

BAB 1

PENDAHULUAN

1. LATAR BELAKANG MASALAH KAJIAN

Islam menuntut agar pengikutnya mewujudkan rumah tangga yang bahagia kerana keamanan dan kesejahteraan sesuatu umat itu bermula dari alam rumah tangga Perkahwinan dalam Islam banyak hikmahnya. Antaranya ialah hikmah dari segi memelihara kesempurnaan beragama (diniyyah), hikmat berbentuk kemasyarakatan (ijtimaiyyah) dan hikmat berbentuk kerohanian (nafsiyyah)². Menurut Abū Zahrah³, perkahwinan itu ialah tiang kekuahan sesebuah keluarga yang boleh membawa kepada kemunculan hak-hak dan kewajipan yang berlandaskan kepada agama.

Dalam mengharungi kehidupan berumahtangga, pasangan suami isteri tidak dapat lari daripada menghadapi dugaan, konflik, perselisihan faham serta pertelingkahan. Ini kerana konflik boleh timbul akibat perbezaan seperti dari segi personaliti, nilai dan cita rasa antara pasangan dan lain-lain aspek yang berkaitan. Apabila keadaan ini berterusan tanpa berusaha untuk menyelesaikan punca masalah, akan menyebabkan beberapa liabiliti atau tanggungan bagi pihak suami dan isteri yang mesti ditunaikan oleh kedua-duanya terabai.

Jabatan Agama Islam merupakan satu institusi yang bertanggungjawab mengurus suami isteri yang menghadapi masalah rumahtangga. Berdasarkan rekod perdaftaran perceraian Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, kadar perceraian di Wilayah Persekutuan telah mencapai 1676 kes bagi tahun 2008⁴. Jumlah ini meningkat 204 kes berbanding tahun 2007 iaitu 1472

² Muḥammad Abū Zahrah, (1957), *al- Aḥwal al-Syakhṣiyah*, al- Qaherah: Dār al- Fikr al-‘Arabī, h.18.

³ Ibid.

⁴ lihat lampiran A

kes⁵. Sebelum berlaku perceraian, Unit Rundingcara Keluarga (URK) Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga (BPPK), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) merupakan sebuah Unit yang bertanggungjawab memberikan perkhidmatan rundingcara dan bimbingan ke arah membangunkan institusi keluarga Islam di Wilayah Persekutuan. Sebarang aduan tentang permasalahan rumah tangga adalah dirujuk kepada unit ini. Terdapat dua kategori pengaduan yang terlaksana di unit ini, pertama aduan secara berdaftar dikenali juga sebagai sesi rundingcara dan keduanya aduan tidak berdaftar dikenali sebagai sesi pandangan. Bagi sesi rundingcara, kebiasaannya bagi aduan 'konflik yang kronik'. Sesi pandangan pula kebiasaannya bagi aduan 'konflik yang masih terkawal'⁶.

Pada tahun 2008⁷, bagi runding cara semasa atau sesi pandangan mencatatkan sebanyak 1140 aduan, bagi runding cara berfail berjumlah 669 aduan. Manakala tahun 2009⁸ pula sebanyak 711 aduan bagi runding cara semasa dan 773 aduan bagi runding cara berfail. Walaupun berlaku penurunan jumlah aduan secara keseluruhannya, tetapi aduan tersebut tetap menjangkau melebihi 1000 aduan dalam tempoh setahun. Perkara ini perlu dibendung dan perlu diambil perhatian oleh semua pihak yang berkaitan. Ini kerana jumlah aduan yang melebihi 1000 kes ini menunjukkan bahawa konflik rumah tangga di Wilayah Persekutuan ini adalah pada tahap yang serius.

Secara jelasnya masalah rumah tangga jika ia di dalam skala yang rendah adalah sebahagian dari proses yang mematangkan individu dan pasangannya. Tetapi ia boleh

⁵ lihat lampiran B

⁶ Zawanah Mohammad (2000), "Permasalahan Rumah Tangga: Satu Analisa", (Kertas kerja Seminar Pemantapan Keluarga Siri Ke 10, Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dibentangkan pada 25 November 2000).

⁷ Lihat lampiran A

⁸ Lihat lampiran B

berubah menjadi penyumbang kepada perceraian dan keruntuhan institusi keluarga serta menjadi punca kepada berleluasanya gejala sosial dalam masyarakat⁹.

Masalah-masalah yang sering dihadapi dan menjadi isu rumah tangga berdasarkan rekod aduan di Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga (BPPK), diklasifikasikan seperti berikut¹⁰ :

1.1 Masalah Tanggungjawab

1.2 Masalah komunikasi

1.3 Masalah Sosial/moral

1.4 Masalah kewangan/Nafkah

1.5 Masalah seksual/kesihatan

1.6 Masalah penderaan/psikologi

1.7 Masalah pihak ketiga/lain-lain

Pengkategorian ini adalah berdasarkan pengalaman pegawai perunding keluarga¹¹ serta rekod aduan kes yang berdaftar. Setiap kategori ini mempunyai pelbagai cabang masalah rumah tangga yang dihadapi oleh responden.

Berdasarkan pengalaman penulis ketika berkhidmat sebagai Pegawai Perunding Keluarga mulai Julai 2001 sehingga September 2005, hampir 80 peratus pasangan yang hadir sesi rundingcara kebanyakannya tidak menunaikan solat fardu secara konsisten. Ada di antara mereka menunaikan solat hanya satu atau dua waktu sahaja, dan ada yang

⁹ Raihanah Azahari,(2007), "Permasalahan Rumahtangga: Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor", *Jurnal Syariah*, Bilangan 1, Jilid 15, Jan-Jun 2007, h. 128.

¹⁰ Lihat Lampiran C

¹¹Raihanah bt Azahari (2008), "Factors Contribute To Marital Problems Among Malay Muslim Women: A Case Study In Malaysia", *Jurnal Syariah*, Jil.16, Bil.2, Julai-Disember 2008, h.245-268. Raihanah Azahari,(2007), "Permasalahan Rumahtangga: Kajian di Unit Undang-Undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor", *Jurnal Syariah*, Bilangan 1, Jilid 15, Jan-Jun 2007 h. 124-127. Lihat juga Dato' Seri (Dr.) Haji Harussani bin Haji Zakaria(2004), "Konflik Rumahtangga Dari Perspektif Islam", (Kertas Kerja Bengkel Penyelesaian Konflik Rumahtangga, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia dibentang pada 28 Disember 2004). Lihat juga Zawanah Mohammad (2000), "Permasalahan Rumahtangga: Satu Analisa", (Kertas kerja Seminar Pemantapan Keluarga Siri Ke 10, Anjuran Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dibentangkan pada 25 November 2000). Pengalaman penulis sebagai pegawai perunding keluarga mulai Julai 2001 hingga September 2005.

langsung tidak solat. Timbul persoalan, adakah kurangnya pelaksanaan ibadah solat ini boleh menjadi antara punca kepada timbulnya konflik rumah tangga?

2. PERSOALAN KAJIAN

Di antara persoalan utama yang akan dibincangkan dalam kajian ini ialah:

- 2.1 Bagaimanakah tahap pelaksanaan ibadat solat fardu di kalangan responden yang mengadu di Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI.
- 2.2 Apakah kategori konflik rumah tangga berdasarkan aduan responden.
- 2.3 Sejauh manakah faktor latar belakang pendidikan dan tahap sosio ekonomi mempengaruhi pelaksanaan ibadat solat fardu responden.
- 2.4 Adakah terdapat perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat fardu harian responden berdasarkan jantina, tahap sosio ekonomi dan pendidikan.
- 2.5 Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pelaksanaan ibadat solat fardu dengan konflik rumah tangga responden

3. OBJEKTIF KAJIAN


Kajian ini mempunyai beberapa objektif yang utama

- 3.1. Mengenal pasti tahap pelaksanaan ibadat solat fardu di kalangan pasangan yang mempunyai konflik rumah tangga.
- 3.2. Mengenal pasti kategori konflik rumah tangga berdasarkan aduan responden.
- 3.3. Mengenal pasti elemen kelemahan pelaksanaan ibadat solat fardu pasangan yang berkonflik

- 3.4. Mengenal pasti perbezaan tahap pelaksanaan ibadat solat fardu harian responden berdasarkan jantina, tahap sosio ekonomi dan pendidikan
- 3.5. Mengenalpasti hubungan di antara tahap pelaksanaan ibadat solat fardu dengan konflik rumah tangga.

4. KERANGKA TEORI

Kerangka teori kajian ini dibina untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan solat dan melihat adakah wujud hubungan amalan solat dan konflik rumah tangga di kalangan responden yang membuat aduan permasalahan rumah tangga di Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga, JAWI.



5. HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis utama kajian ini ialah:

- 5.1. Ho1- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina di dalam pelaksanaan solat
- 5.2. Ho2- Tidak terdapat perbezaan yang signifikan responden berdasarkan latar belakang pendidikan di dalam pelaksanaan solat.
- 5.3. Ho3- tidak terdapat perbezaan yang signifikan di dalam pelaksanaan solat berdasarkan faktor sosio ekonomi.

5.4. Ho4- Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan solat dan konflik rumah tangga

6. KEPENTINGAN KAJIAN

6.1. Melalui kajian ini adalah diharapkan agar nilai-nilai keaslian yang di peroleh melalui kajian lapangan ini akan dapat menyokong teori-teori yang sedia ada.

6.2. Kajian ini juga boleh membantu pihak-pihak berkepentingan seperti JAWI, JAKIM, LPPKN serta badan-badan NGO yang mengendalikan kaunseling keluarga untuk merangka modul dan pelan bertindak mengatasi masalah konflik rumah tangga di Wilayah Persekutuan khususnya berasaskan kepada perspektif Islam.

7. SKOP KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada perkara-perkara berikut:

- a) Kajian ini hanya dijalankan di Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.
- b) Sampel kajian ialah klien yang membuat aduan bagi sesi rundingcara dan pandangan di Unit Rundingcara Keluarga, JAWI seramai 100 orang. Ia akan melibatkan aduan semasa dalam sesi rundingcara dan pandangan mulai Mac hingga Ogos 2010¹².

¹² Lihat lampiran D

c) Dari segi aspek kajian, ia dilakukan untuk meninjau sejauh mana amalan ibadat solat fardu responden iaitu dari sudut pelaksanaannya. Kajian juga dilakukan untuk meninjau sejauh mana pelaksanaan ibadat solat fardu harian itu dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu, iaitu faktor pendidikan dan tahap sosio ekonomi. Kajian juga dijalankan untuk mengenal pasti adakah terdapat perbezaan pelaksanaan ibadat solat fardu berdasarkan jantina, pendidikan dan tahap sosio ekonomi. Kajian juga dijalankan untuk mengenal pasti adakah terdapat hubungan antara pelaksanaan ibadat solat fardu dengan konflik rumah tangga responden.

8. HURAIAN ISTILAH

Pelaksanaan¹³ menurut kamus Dewan ialah hasil daripada melaksanakan (mengerjakan, menyelesaikan) sesuatu rancangan (tugas dan sebagainya). Kajian ini akan menjurus kepada pelaksanaan solat fardu lima waktu sehari semalam.

Ibadat pula di dalam *Lisān al-‘Arab*¹⁴ bermaksud taat serta tunduk. Kamus Dewan¹⁵ mendefinisikan ibadat sebagai perbuatan dan amalan yang dilakukan sebagai bakti kepada atau kerana Tuhan seperti sembahyang, berdoa, bersedekah dan berbuat baik sesama manusia. Dalam Ensiklopedia Islam¹⁶ ibadat bermaksud semua bentuk pekerjaan yang bertujuan memperoleh keredaan Allah s.w.t dan menginginkan pahala daripada Nya di akhirat. Maksud ibadat dalam kajian ini ialah ibadat solat fardu sahaja.

¹³ Noraesah bt Baharom (2003), *Kamus Dewan*, (Edisi Baru) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h.748

¹⁴ Ibn Manzūr (t.t), *Lisān al-‘Arab*, Jil. 4, Beirut: Dār al-Ma’rifah, h. 2778.

¹⁵ Noraesah bini Baharom (2003), op.cit., h. 474

¹⁶ Ensiklopedia Islam (2004), Jil. 2 (F-K), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 142.

Maksud **solat**¹⁷ di dalam bahasa Arab bermaksud doa. Di dalam fiqh Islam solat bermaksud ibadat yang mengandungi perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbir dan disudahi dengan salam. Dalam kajian ini hanya difokuskan kepada solat fardu lima waktu sehari semalam.

Hubungan bermaksud kaitan, pertalian, sangkut paut¹⁸. Bagi kajian ini, penulis akan cuba melihat pelaksanaan solat dan hubungan atau kaitannya dengan konflik rumah tangga.

Definisi **konflik** pada asasnya bermaksud perselisihan atau pertentangan antara individu, idea, kepentingan dan lain-lain¹⁹. Konflik dalam rumah tangga pula membawa maksud sebarang bentuk perselisihan atau pertentangan antara ahli keluarga khususnya suami dan isteri.

Rumahtangga²⁰ bermaksud perihal rumah dan kehidupan dalam rumah dan keluarga yang mendiaminya.

9. ULASAN PENULISAN /KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa kajian semasa mengenai perkaitan antara pengabaian solat dengan permasalahan akhlak di kalangan remaja muslim yang boleh dijadikan panduan serta mempunyai hubung kait dengan tajuk penulis dalam usaha menyempurnakan kajian ini. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Nor Azira binti Yusoff²¹, berkaitan Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu:Kajian di Sekolah Tunas Bakti

¹⁷ Wahbah al-Zuhayli, (1984), *Fiqh al-Islām wa Adillatuh*, Damsyiq: Dār al-Fikr, j.1, h. 497

¹⁸ Noraesah binti Baharom (2003), op.cit., h. 466

¹⁹ ibid, h. 699

²⁰ Ibid, h. 1156

²¹ Noor Azira binti Yusoff, (2008), “Hubung Kait Antara Pengabaian Solat Dengan Buruk Laku Individu:Kajian di Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi, Kuala Lumpur”, (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Sungai Besi, Kuala Lumpur. Kajian ini memfokuskan kepada kepentingan solat dan kesannya kepada kehidupan individu muslim serta mengkaji perkaitan antara pengabaian solat dengan buruk laku individu muslim. Aspek yang dikaji ialah berkaitan buruk laku atau kesalahan yang dilakukan, sikap terhadap solat dan pengetahuan terhadap ibadat solat. Responden kajian ini seramai 60 orang yang merupakan pelatih beragama Islam di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Besi Kuala Lumpur, iaitu salah sebuah pusat pemulihan akhlak remaja di Malaysia. Menurut kajian ini, seramai 50 orang responden daripada 60 orang keseluruhannya mengakui dengan menilai tahap pelaksanaan solat mereka adalah di peringkat memuaskan 22 orang dan di tahap lemah seramai 28 orang. Hasil analisis kajian ini juga mendapati bahawa terdapat perkaitan yang rapat antara pengabaian solat dengan buruk laku individu. Menurut pengkaji ini, punca sebenar berlakunya gejala sosial di Malaysia ini adalah rentetan daripada pelakunya yang mengabaikan ibadat solat.

Kajian seterusnya dijalankan oleh Mohd Suhardi bin Jusoh tentang pengabaian solat fardu di kalangan remaja. Hasil kajian mendapati bahawa 96.8% responden mengakui bahawa perbuatan meninggalkan solat fardu mendatangkan banyak kesan negatif kepada diri mereka, Mohd Suhardi bin Jusoh membuat kesimpulan bahawa timbulnya pelbagai gejala sosial yang membabitkan remaja dewasa ini adalah sebahagiannya berpunca dari diri mereka yang tidak mendirikan solat fardu²².

Kajian bertajuk Ibadah Solat Dan Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor, oleh Shafora bt Juaini²³ mendapati bahawa hasil pengumpulan data melalui soal selidik terhadap 250 orang responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima buah sekolah

²² Mohd Suhardi bin Jusoh (2004), “Pengabaian Solat di Kalangan Remaja: Kajian di Sekolah Menengah di Sekitar Pasir Puteh, Kelantan” (Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya) h.208 dan 218

²³ Shafora bt Juaini, (2005), “Ibadah Solat Dan Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Selangor”, (Kertas Projek Ijazah Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

menengah di Daerah Kuala Selangor. Hasil utama kajian ini mendapati bahawa amalan ibadat solat dan tahap akhlak pelajar adalah berada pada tahap tinggi. Kajian ini mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan di antara amalan solat dengan akhlak pelajar. Responden yang tekun melaksanakan ibadat solat dan menghayatinya akan menunjukkan akhlak dan budi pekerti yang baik dan mulia terhadap ibu bapa, guru dan rakan-rakan. Ini menunjukkan hubungan yang positif antara amalan solat dan akhlak pelajar. Ini bermakna pelajar-pelajar yang melaksanakan dan menghayati ibadat solat dengan sempurna, dapat membentuk tingkah laku yang positif dan melahirkan akhlak dan sahsiah yang terpuji.

Kajian yang bertajuk **Permasalahan Rumah Tangga: Kajian di Unit Undang-undang Keluarga Jabatan Agama Islam Daerah Petaling, Selangor**²⁴ turut menjadi panduan kepada penulis sebagai antara maklumat penting. Kajian ini menjurus kepada permasalahan rumah tangga di Daerah Petaling berdasarkan aduan daripada pihak suami dan isteri. Seramai 300 responden, 96 orang pihak suami sebagai pengadu dan 204 orang pihak isteri sebagai pengadu. Kajian ini telah merujuk kepada fail-fail kes bagi tahun 2003-2005. Terdapat 28 jenis aduan daripada pihak isteri dan 7 jenis aduan daripada pihak suami. Ternyata bahawa wanita merupakan jumlah yang paling ramai menjadi pengadu dengan pelbagai aduan ketidakpuasan hati pada suami mereka iaitu 28 jenis aduan. Daripada jumlah ini, masalah suami tidak memberi nafkah mencapai kekerapan yang tertinggi iaitu 104. Ini dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai sebab dan punca berlakunya konflik rumah tangga muslim di negara kita ini.

Di samping itu, kajian yang bertajuk Factors Contribute To Marital Problems Among Malay Muslim Women: A Case Study In Malaysia, oleh Raihanah Azahari²⁵ Kajian ini mengumpulkan sebanyak 3117 kes aduan permasalahan rumah tangga iaitu bagi

²⁴ Raihanah Azahari (2007), Op.cit, *Jurnal Syariah*, Bilangan 1, Jilid 15

²⁵ Raihanah Azahari (2008), Op.cit, *Jurnal Syariah*, Jil.16, Bil. 2, Julai-Disember 2008

tahun 2004, 2005 dan 2006. Data-data ini diperolehi daripada Selangor yang mewakili zon barat, Melaka mewakili zon selatan, Pulau Pinang mewakili zon utara dan Terengganu mewakili zon timur. Dapatan kajian ini merumuskan bahawa faktor kewangan mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak 1635 aduan isteri terhadap pasangan mereka. Kegagalan pihak suami dalam menunaikan hak nafkah kepada isteri dan keluarga telah menjadi antara punca utama konflik rumah tangga. Begitu juga permasalahan sosial iaitu penderaan fizikal dan mental, poligami, masalah kesihatan dan sebagainya juga turut menyumbang kepada konflik pasangan yang berumahtangga. Bagi aduan pihak suami keatas pihak isteri faktor sosial iaitu nusyuz, keluar tanpa izin, ada teman lelaki dan lainnya mencatatkan sebanyak 933 kes. Kajian ini menunjukkan bahawa jika konflik rumah tangga ini tidak di bendung dengan sewajarnya,maka ia akan membawa kepada permasalahan masyarakat dan negara.

Kajian bertajuk **Masalah Rumah Tangga Muslim di Hulu Langat: Kajian Tentang Cara Penyelesaiannya Oleh Pejabat Agama Islam Hulu Langat (PAIHL), Selangor**,²⁶ melihat dengan lebih dekat kaedah penyelesaian masalah rumah tangga muslim yang di gunakan oleh Pejabat Agama Islam Hulu Langat (PAIHL), Selangor. Kajian ini mendapati kaedah rundingcara atau kaunseling merupakan kaedah yang paling menonjol dan diguna pakai secara meluas dalam proses penyelesaian rumah tangga muslim di Hulu Langat. Dapatan Kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan responden bersetuju dengan pendekatan yang dilaksanakan ini. Kaedah rundingcara ini adalah kaedah yang telah diguna pakai oleh pejabat agama di seluruh Malaysia dalam usaha untuk membantu menyelesaikan konflik rumah tangga muslim di negara kita. Pengkaji menghadapi beberapa masalah sewaktu menjalankan penyelidikan ini. Antara masalah utama adalah kesukaran untuk mendapatkan responden soal selidik. Keadaan ini turut dihadapi oleh penulis ketika

²⁶ Noor Izzati binti Mohd Zawawi (2004), “Masalah Rumah Tangga Muslim di Hulu Langat: Kajian Tentang Cara Penyelesaiannya Oleh Pejabat Agama Islam Hulu Langat (PAIHL), Selangor”, (Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

melaksanakan penyelidikan ini. Menurut statistik tahun 2003 kes aduan untuk mendapatkan khidmat nasihat di PAIHL, permasalahan nafkah mencatatkan aduan tertinggi iaitu 315 aduan (18.32%), tiada persefahaman 264 aduan (13.78%), pasangan curang 201 aduan (10.49%), masalah tiada tanggungjawab, pihak ketiga dan sebagainya. Statistik ini menunjukkan banyak persamaan dengan jenis aduan di Bahagian Perkahwinan Dan Pengurusan Keluarga, JAWI.

Buku yang bertajuk **Masalah Sosial Dan Hubungannya Dengan Didikan Agama,(1993)**, **Dr. Amran Kasimin** adalah hasil kajian yang membicarakan tentang masalah sosial seperti khalwat, persetubuhan haram, sekedudukan, pelacuran dan sebagainya yang terbukti jelas bahawa sebahagian besar daripada yang terlibat terdiri daripada mereka yang kurang atau langsung tidak mempunyai didikan agama. Kajian ini dilakukan di enam daerah Negeri Johor, berkaitan kes jenayah agama yang dibicarakan di Mahkamah Syariah Negeri Johor. Ini jelas menunjukkan bahawa tanpa didikan agama manusia mudah terjebak kepada kebinasaan. Persoalannya adakah isu konflik rumahtangga yang berlaku sekarang ini turut mempunyai hubungan akibat kurangnya penghayatan kepada agama. Skop penulisan buku ini adalah luas berbanding kajian penulis yang hanya di fokuskan kepada pelaksanaan solat dan hubungannya dengan konflik rumahtangga. Kajian ini telah membuktikan bahawa kurangnya didikan agama kita sebagai manusia akan mudah terjebak kepada permasalahan sosial.

Selain itu kajian bertajuk **Objektif Perkahwinan: Satu Kajian Khusus Terhadap Kefahaman Dan Penghayatan Masyarakat Islam di Kuala Lumpur**. Oleh: Norliza binti Ghazali (1998)²⁷ adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana kefahaman dan penghayatan masyarakat Islam di Kuala Lumpur terhadap objektif perkahwinan. Penulis

²⁷ Norliza binti Ghazali (1998), “Objektif Perkahwinan: Satu Kajian Khusus Terhadap Kefahaman Dan Penghayatan Masyarakat Islam di Kuala Lumpur”, (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

berpendapat, kajian ini mempunyai skop yang luas iaitu kepada masyarakat Islam di Kuala Lumpur. Kajian ini telah meletakkan enam objektif perkahwinan serta strategi-strategi Islam dalam mengukuhkan objektif tersebut. Tajuk ini bersesuaian kerana ditujukan kepada masyarakat Islam secara umum. Setiap soalan dalam soal selidik tidak menimbulkan sebarang sensitiviti kepada responden. Faktor penghayatan Islam tidak di letakkan secara khusus, ia di letakkan secara tidak langsung di dalam soalan objektif perkahwinan. Ini berbeza dengan kajian penyelidikan penulis kerana tumpuan penulis khusus kepada pelaksanaan solat dan melihat hubungannya dengan konflik rumah tangga khusus untuk pasangan yang mengadu di BPPK, JAWI.

Penghayatan Ajaran Al-Quran Dalam Khidmat Nasihat: Kajian di Pusat Pembangunan Keluarga Islam(PPKI)²⁸, merupakan kajian yang di lakukan di PPKI, di bawah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan. Pusat ini bertempat di Masjid Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur. Khidmat yang di sediakan ialah Khidmat Nasihat Kekeluargaan iaitu perkahwinan, ibu hamil, remaja, dan sebagainya. Pusat ini juga menganjurkan program kekeluargaan Islam untuk masyarakat awam sekitar Kuala Lumpur berdasarkan modul-modul yang telah di sediakan. Proses runding cara bagi konflik rumah tangga juga dilaksanakan untuk peringkat awal sahaja tanpa boleh mengeluarkan laporan secara rasmi. Hanya Unit Rundingcara Keluarga, Bahagian Perkahwinan dan Pembangunan Keluarga (BPPK) mempunyai autoriti untuk melaksanakan secara rasmi dan laporan runding cara diterima oleh Mahkamah Syariah bagi tujuan perceraian. Oleh yang demikian penulis memilih unit ini sebagai tempat kajian bagi penyelidikan kerana atas sebab bidang kuasa yang dimilikinya dan juga masih belum terdapat satu modul sebagai

²⁸ Rozia Hanis binti A. Rahman(2002), “Penghayatan Ajaran Al-Quran Dalam Khidmat Nasihat: Kajian di Pusat Pembangunan Keluarga Islam(PPKI)”, (Disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya).

panduan atau rujukan untuk para pegawai yang bertugas di Unit tersebut sebagaimana yang terdapat di Pusat Pembangunan Keluarga Islam.

Buku-buku, artikel-artikel dan kajian-kajian ilmiah berkenaan, meskipun tidak benar-benar menyentuh mengenai tajuk disertasi penulis, namun sedikit sebanyak dapat menyumbang dan memberikan asas-asas pemikiran yang kuat kepada kajian ini terutama dalam membina landasan teori yang jelas. Kajian penyelidikan penulis akan memberikan tumpuan kepada pelaksanaan ibadat solat dan melihat hubungannya dengan konflik rumah tangga khusus untuk pasangan yang mengadu di BPPK, JAWI.

10. METODOLOGI KAJIAN

10.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk diskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan (survey research). Reka bentuk ini digunakan untuk melihat dan menilai tahap pelaksanaan ibadat solat fardu responden yang hadir di Bahagian Perkahwinan Dan Pembangunan Keluarga serta bertujuan meninjau hubungan antara pelaksanaan ibadat solat fardu dengan konflik rumah tangga. Reka bentuk ini digunakan kerana difikirkan paling sesuai untuk mendapat maklumat data daripada sampel dalam populasi yang besar jumlahnya. Menurut Mohd Majid Konting²⁹, kaedah tinjauan adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku.

Melalui kaedah ini satu set soal selidik digunakan untuk dijawab oleh responden. Di samping itu kaedah temu bual dan pemerhatian juga turut digunakan sebagai menyokong dapatan-dapatan daripada soal selidik.

²⁹ Mohd Majid Konting (1998), *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 96.

Aspek yang dinilai adalah pelaksanaan solat fardu lima waktu dan permasalahan rumah tangga yang dihadapi oleh responden. Data serta maklumat bagi kajian ini diperoleh melalui borang soal selidik yang telah diedarkan kepada responden yang hadir untuk sesi rundingcara dan sesi pandangan.

10.2. Kaedah Pengumpulan Data

Dalam menjalankan kajian ini, dua kaedah utama akan digunakan untuk mengumpul data.

a). Pengumpulan data melalui kaedah Perpustakaan

Bagi membentuk landasan konsep dan teori bagi kajian ini, maka rujukan perlu dibuat terhadap bahan-bahan semasa yang berkaitan kepentingan pelaksanaan ibadat, ciri-ciri rumah tangga muslim serta isu-isu konflik yang berlaku.

b). Pengumpulan data melalui kajian lapangan

Data-data utama diperoleh melalui kajian lapangan iaitu melalui temu bual, soal selidik dan kaedah pemerhatian.

i) Temu bual – telah dijalankan secara berstruktur kepada para pegawai perunding keluarga di Unit Rundingcara Keluarga, JAWI. Temubual ini adalah untuk mendapatkan maklumat responden yang hadir sesi rundingcara iaitu berkaitan pelaksanaan solat serta permasalahan rumah tangga yang mereka hadapi.

ii) Soal selidik – satu set soal selidik dibentuk untuk mengenal pasti aspek-aspek pelaksanaan ibadat solat serta permasalahan di dalam rumah tangga responden. Data untuk kajian ini diperoleh melalui

pengedaran soal selidik kepada klien yang hadir pada sesi rundingcara dan sesi pandangan.

- iii) Pemerhatian – telah dilakukan semasa sesi rundingcara oleh penulis berdasarkan cara komunikasi pasangan, penampilan diri melalui cara berpakaian dan sebagainya. Kaedah ini juga bertujuan untuk memperkuuhkan lagi maklumat yang diperoleh melalui temu bual.

10.3. Kaedah Analisis Data

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 17.0 for Windows*. Dua bentuk analisis data digunakan iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi

11. GARIS KASAR SUSUNAN PENULISAN

Kajian ini di bahagikan kepada lima bab

Bab Pertama : Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan perkara-perkara asas termasuk latar belakang masalah, kepentingan kajian, objektif kajian, kajian-kajian lepas, metodologi serta masalah-masalah yang dihadapi semasa kajian dilaksanakan.

Bab Kedua : Landasan Teori

Perbincangan berkaitan takrif solat, kedudukan solat di dalam Islam, keutamaan solat dalam kehidupan rumah tangga, hubungan pelaksanaan solat dan konflik rumahtangga dan sebab-sebab berlaku pengabaian solat.

Bab Ketiga : Metodologi Kajian

Bab ini membincangkan berkaitan reka bentuk metodologi kajian, populasi sampel, instrumen kajian, kajian rintis, prosedur pengumpulan data, prosedur menganalisis data, dan rumusan. Bab ini juga membincangkan secara umum latar belakang tempat kajian iaitu Unit Rundingcara Keluarga, BPPK, JAWI.

Bab Keempat : Analisis Data Kajian

Perbincangan berkaitan prosedur menganalisis data daripada soal selidik, iaitu demografi responden, pelaksanaan solat dan konflik rumahtangga responden. Dapatan kajian akan dibentangkan serta rumusannya.

Bab Kelima : Rumusan Dan Cadangan

12. MASALAH YANG DIHADAPI SEMASA KAJIAN DIJALANKAN

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi penulis sewaktu menjalankan kajian ini. Antaranya masalah utama adalah kesukaran untuk mendapatkan responden soal selidik. Ini berpunca daripada dua faktor, pertamanya disebabkan soal selidik yang dibentuk bertujuan untuk mengetahui pelaksanaan ibadat solat harian responden dan juga permasalahan rumahtangga yang mereka hadapi. Ini merupakan sesuatu yang sangat sensitif dan terlalu peribadi untuk diberitahu, yang menyebabkan agak sukar untuk mendapatkan kerjasama responden dalam mengisi borang soal selidik. Di samping itu, responden yang terlibat adalah kecil bilangannya. Faktor kedua ialah keadaan responden itu sendiri semasa mengisi borang soal selidik, yang datang bersama masalah rumahtangga masing-masing. Emosi responden juga ketika itu tidak begitu stabil ketika itu. Ini juga menyebabkan pegawai perunding agak sukar untuk menyerahkan borang soal selidik kepada mereka untuk diisikan.

Pada awal perbincangan bersama penyelia, kajian ini memerlukan 200 responden untuk mengisi borang soal selidik yang diedarkan. Namun bilangan tersebut terpaksa dikurangkan kepada 100 kerana kesukaran para pegawai perunding keluarga untuk menyerahkan borang soal selidik atas faktor yang telah dinyatakan sebelum ini. Penulis telah menyerahkan 350 set borang soal selidik kepada enam orang pegawai perunding keluarga untuk diedarkan kepada responden mulai Mac hingga Ogos 2010. Borang soal selidik yang dikembalikan adalah 189 set dan hanya 103 set sahaja yang lengkap diisi oleh responden. Oleh itu penulis menganalisis 100 soal selidik yang lengkap sahaja untuk kajian ini.